



KENYATAAN RASMI KRISIS COVID-19:

PERGERAKAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) PULANG SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2021

1. Merujuk kepada Kenyataan Media Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad selaras dengan Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang telah diadakan pada 28 April 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) pulang ke rumah masing-masing sempena cuti Hari Raya Aidilfitri kecuali negeri Sarawak. Para pelajar turut diberi pilihan sama ada pulang ke kediaman masing-masing atau kekal berada di kampus sempena cuti perayaan tersebut. Kebenaran ini adalah selaras dengan kelonggaran yang diberikan oleh MKN sebelum ini kepada sektor pendidikan.
2. Sehubungan itu, semua pelajar UMP yang berada di kawasan PKPP, PKPB dan PKP sahaja dibenarkan pulang kecuali negeri Sarawak. Pelajar yang berada di lokaliti PKPD tidak dibenarkan pulang. Pihak pengurusan UMP juga telah bersetuju menetapkan mekanisme kawalan iaitu pergerakan pelajar dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan pergerakan pelajar adalah terkawal. Tarikh yang ditetapkan bagi pergerakan pulang ke rumah masing-masing adalah berdasarkan tiga kaedah pergerakan pulang pelajar iaitu **menggunakan kenderaan sendiri atau dijemput oleh ibu bapa/penjaga atau pun menggunakan kenderaan yang diselaraskan oleh UMP**. Sila rujuk jadual di lampiran.
3. Semua pelajar dinasihatkan sentiasa mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan. Pada masa yang sama, semua pelajar diingatkan supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.
4. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut, boleh menghubungi Bilik Gerakan UMP di talian 09-549 3333 (UMP Kampus Gambang) dan 09-424 6999 (UMP Pekan) untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
1 Mei 2021

LAMPIRAN

JADUAL PERGERAKAN PULANG PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2021

1. MENGGUNAKAN KENDERAAN SENDIRI

TARIKH PULANG	7 – 12 Mei 2021	TARIKH KEMBALI	15 – 20 Mei 2021
CATATAN	Pelajar dibenarkan memandu kenderaan sendiri dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh UMP. Pelajar TIDAK dibenarkan menggunakan kenderaan awam kecuali perkhidmatan penerbangan.		

2. DIJEMPUT OLEH IBU BAPA ATAU PENJAGA

TARIKH PULANG	7 – 12 Mei 2021	TARIKH KEMBALI	15 – 20 Mei 2021
CATATAN	<p>a. Pergerakan ibu bapa/penjaga pelajar yang melibatkan keperluan merentas daerah atau negeri perlu membawa bersama surat pelepasan perjalanan rentas daerah/negeri atau pulang semula ke kampus yang dikeluarkan oleh UMP TANPA perlu mendapatkan surat kebenaran rentas daerah/negeri dari Ibu Pejabat Polis.</p> <p>b. Bilangan ibu bapa / penjaga yang mengambil dan menghantar anak adalah tidak melebihi dua (2) orang sahaja tidak termasuk pelajar. Tempoh masa yang dibenarkan untuk mengambil dan menghantar anak adalah dua (2) hari dari tarikh yang dibenarkan.</p>		

3. MENGGUNAKAN KENDERAAN YANG DISELARASKAN OLEH UMP

TARIKH PULANG	7 – 11 Mei 2021	TARIKH KEMBALI	16 – 20 Mei 2021
CATATAN	<p>a. Jumlah tiket bas adalah TERHAD. Masa perjalanan dan pusat hentian bas bagi setiap negeri adalah berdasarkan ketetapan pihak UMP.</p> <p>b. Segala kos yang terlibat, termasuk bagi menjalani ujian <i>swab</i> (sekiranya diperlukan) adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri dan pelajar tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap pihak universiti sekiranya berlaku sebarang perkara tidak diingini.</p>		

	<p>c. Pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri terkecuali daripada menggunakan kemudahan ini.</p> <p>d. Kadar harga tiket, kaedah bayaran dan pusat hentian akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat.</p>
--	--

4. Selaras dengan ketetapan tersebut juga, **SEMUA** pelajar perlu mengisi persetujuan balik (termasuk tarikh dan kaedah balik) dan memaklumkan status keberadaan pelajar sepanjang tempoh cuti perayaan Aidilfitri 2021 melalui pautan <http://community.ump.edu.my>sistempelajarpulangkampung>.
5. Surat pelepasan perjalanan rentas negeri/daerah boleh **DICETAK TERUS** melalui pautan tersebut sebagai mana di atas. Hanya pelajar sedia ada, pelajar yang sedang menjalani latihan industri dan pelajar yang telah dikenal pasti oleh pihak UMP di bawah kategori pelajar berkeperluan enam kategori sahaja yang dibenarkan kembali ke kampus sempena cuti Aidilfitri sebagai mana pemakluman UMP bertarikh 4 Februari 2021.
6. Mana-mana pelajar yang memalsukan, bersubahat memalsukan atau menyalahgunakan surat pelepasan perjalanan rentas daerah/negeri atau pulang semula ke kampus yang dikeluarkan oleh UMP akan dikenakan tindakan **TATATERTIB**.

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Pelajar